



JABATAN PERDANA MENTERI UNIT PERANCANG EKONOMI

Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Adalah menjadi dasar Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) untuk secara berterusan meningkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pegawai.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencegah sebarang potensi ketidakakuruan perkhidmatannya serta sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit dari insiden yang berlaku di tempat kerja.

EPU, JPM komited untuk:

- Menyedia dan menyelenggara ruang dan sistem kerja yang kondusif, selamat serta sihat dari sebarang risiko;
- Memastikan bahawa semua warga EPU diberikan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan di tempat kerja;
- Memantau semua ketidakpatuhan, insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejadian tidak berulang di masa akan datang;
- Mematuhi kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan setiap pegawai seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514); dan
- Mempromosi dan menghebahkan aspek keutamaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan dan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan warga EPU.

EPU, JPM akan berusaha mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan dalam kalangan warga kerja EPU, JPM dengan memastikan tempat kerja adalah selamat dan sihat.

(DATUK SERI SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN)
KETUA PENGARAH